



# INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

IYSJL (2021)

## **Pancaran Akal Budi Dalam Filem Semerah Padi: Analisis Lakuan Bahasa**

**Nur Asyqin Iylia Zaini<sup>1</sup>, Aminnudin Saimon<sup>1\*</sup>**

*<sup>1</sup>Kulliyah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

*\*e-mel: [deanamin@iium.edu.my](mailto:deanamin@iium.edu.my)*

### **ABSTRAK**

Lakuan bahasa ialah ujaran yang dilakukan oleh penutur dan pendengar dalam komunikasi sehalu. Setiap komunikasi yang diujarkan atau diterima mempunyai makna dari segi tersurat dan tersirat. Makna ini boleh dilihat dari sudut lakuan bahasa yang memainkan peranan supaya seseorang itu bertindak melakukan sesuatu perkara seperti berjanji, menggesa atau menasihati. Lakuan bahasa ini akan membincangkan mengenai tindak tanduk manusia dalam sudut komunikasi sama ada diterima dengan baik atau sebaliknya. Melalui kajian ini pengkaji turut menggunakan kajian kualitatif. Kajian ini terdiri daripada kaedah menganalisis kandungan teks iaitu dapatan kajian daripada filem Semerah Padi (1956). Pengkaji turut menggunakan teori lakuan bahasa daripada Searle (1969). Melalui teori ini terdapat lima prinsip yang perlu dipatuhi oleh pengkaji antaranya asertif, direktif, komisitif, ekspresif, dan deklaratif. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti lakuan bahasa yang mencerminkan akal budi dalam filem Semerah Padi. Hasil dapatan kajian memperlihatkan sebanyak 248 lakuan bahasa dalam filem Semerah Padi yang dikaji dan asertif memperlihatkan data yang paling tinggi iaitu sebanyak 113 dan diikuti dengan lakuan bahasa direktif iaitu sebanyak 83. Ekspresif pula mencatatkan data sebanyak 37 manakala komisitif sebanyak 10. Akhir sekali ialah deklaratif iaitu mencatatkan data sebanyak 5 iaitu yang paling rendah. Tuntasnya, dapat dilihat bahawa dalam Filem Semerah Padi ini dapat menunjukkan ujaran lakuan bahasa ini memainkan peranan yang penting dalam mentafsir akal budi seseorang itu.

**Kata kunci:** lakuan bahasa, filem, akal budi, teori Searle (1969), tersurat, tersirat

## PENGENALAN

Menurut Siti Nur Adibah Sabarudin dan Aminnudin Saimon (2021) lakuan bahasa ialah ujaran yang dituturkan oleh penutur dalam pelbagai corak komunikasi sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Ujaran yang dilakukan oleh penutur dan pendengar boleh dilihat melalui beberapa lakuan bahasa yang terdiri daripada laporan, perdebatan, permintaan, meminta maaf, perjanjian, simpati, hukuman dan lain-lain. Perkara ini dapat dilihat daripada penutur dan pendengar yang menerima maklumat daripada sesuatu konteks dan keadaan. Maklumat-maklumat itu terdiri daripada beberapa ayat pernyataan atau soalan yang memerlukan seseorang itu untuk bertindak dalam keadaan segera atau lambat. Hal ini sejajar dengan pernyataan yang dikeluarkan oleh John Langshaw Austin yang merupakan tokoh pertama lakuan bahasa pada tahun 1962 yang menyatakan setiap lakuan bahasa mempunyai ayat pernyataan dan soalan. Lalu, teori ini diteruskan oleh Searle pada tahun 1969 yang menyatakan lakuan bahasa ialah ungkapan atau perkataan yang dizahirkan oleh penutur dan memperlihatkan sesuatu tindakan yang boleh dilihat seperti menyatakan niat, bersetuju, bertanya soalan, mengarah atau menasihati.

Searle (1969) turut mengemukakan lima jenis lakuan bahasa yang diketengahkan dalam teorinya iaitu asertif, direktif, komisif, ekspresif dan deklaratif. Asertif ialah jenis perlakuan tutur bicara yang mengikat penutur kepada kebenaran proposisi manakala direktif pula membawa maksud, tutur bahasa yang melihatkan kepada usaha penutur untuk membuatkan pendengar atau orang kedua melakukan sesuatu tindakan. Selain itu, komisif membawa maksud jenis tindakan tutur bahasa yang mengikat penutur kepada sesuatu tindakan pada masa akan datang. Lakuan bahasa ekspresif pula membawa maksud lakuan bahasa pertuturan penutur yang menekankan kepada sikap psikologi atau mood individu. Terakhir sekali ialah deklaratif iaitu perlakuan pertuturan bahasa yang merujuk kepada perubahan sesuatu keadaan itu dalam keadaan segera. Lakuan bahasa ini dilihat turut memainkan peranan yang penting dalam mencungkil akal budi masyarakat supaya bertindak melakukan sesuatu perkara mengikut akal dan fikiran. Akal budi turut membawa bermaksud cara pemikiran, perlakuan dan sebagainya, mengikut konteks lain juga penggunaan akal budi disamaertikan dengan istilah yang selalu digunakan oleh masyarakat iaitu kata *common sense*. Penggunaan perkataan ini telah dilakukan dalam keadaan sedar oleh penutur Melayu itu sendiri untuk mendukung konteks maksud yang lebih luas, iaitu berkaitan dengan tingkah laku yang dilakukan dalam keadaan waras. (Junaini Kasdan, 2020)

Selain itu, lakuan bahasa boleh dilihat melalui pemahaman masyarakat terhadap konteks perbualan yang dilakukan melalui akal budi, contohnya melalui filem banyak mengetengahkan ujaran yang mempunyai, implisit. Kebanyakan filem-filem dipertontonkan untuk memberi gambaran awal kepada penonton mengenai sikap sebenar masyarakat atau ketamadunan. Filem turut merupakan

cerminan masyarakat dalam menonjolkan sisi baik dan buruk berdasarkan kehidupan dari sejak lahir hingga menjadi golongan tua. Melalui filem ini dapat melihat bahawa kehidupan masyarakat ini perlu ditiru untuk memberi gambaran kepada generasi baru pada masa akan datang

### **PERNYATAAN MASALAH**

Melalui pernyataan masalah pengkaji telah melihat bahawa terdapat beberapa masalah atau kelompongan yang berlaku khususnya dalam bidang bahasa, antaranya ialah penggunaan lakuan sindiran dalam ujaran yang tidak mampu difahami oleh pendengar. Masalah dapat dilihat apabila zaman kini terdapat pendengar yang tidak mengetahui atau mengenali ujaran yang berbentuk kiasan. Buktinya dapat dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh Nur Atikah Ibrahim dan Maslida Yusof (2020) menyatakan bahawa dalam bahasa kiasan terdapat juga penggunaan lakuan bahasa yang dipanggil sebagai “lakuan sindiran”, contoh ayat *Twitter* ialah “Makwe makwe zaman sekarang ni kat media sosial kemain cakup *food hunter* lah, *cat lover* lah. Tapi time keluar dating makan pun tak habis. Kucing datang minta ayam, di sepaknya sampai terpelanting”. Ayat ini bukan sahaja dilihat sebagai bahasa kiasan, malah merupakan ayat dalam pengkategorian asertif pernyataan. Pemilihan kategori pernyataan ini disebabkan pengguna memberitahu sesuatu informasi terkini yang dipercayai atau realiti sebenar perangai sesetengah gadis kini. Pernyataan ini turut merujuk kepada satu maklumat baharu yang dilihat melalui fenomena yang berlaku sekarang. Namun, bagi pendengar yang tidak memahami dengan penggunaan lakuan bahasa tersebut akan menganggap bahawa pernyataan tersebut hanyalah ujaran semata-mata dan bukannya lakuan sindiran. Perlu diketahui dalam bidang bahasa, setiap ujaran mempunyai lakuannya yang tersendiri yang perlu diketahui umum supaya perkara yang ingin disampaikan itu jelas dan tepat.

Selain itu, kurang fahaman mengenai ujaran berbentuk lakuan bahasa. Masalah ini turut disokong oleh Nur Atikah Ibrahim dan Maslinda Yusof (2020) yang menyatakan bahawa bukan mudah untuk mengetahui kriteria lakuan bahasa, malah sering menimbulkan masalah untuk memahami lakuan bahasa khususnya ujaran yang berbentuk ironi dalam berkomunikasi. Masalah ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan pendengar tidak mengetahui konteks sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur. Hal ini kerana dalam lakuan bahasa terdapat lima kategori lakuan bahasa yang boleh dilihat apabila ujaran itu dituturkan. Lakuan bahasa seperti asertif merupakan lakuan yang menjelaskan perasaan dan emosi penutur tanpa diberitahu secara langsung. Wujudnya lakuan bahasa ini sendiri adalah untuk mengurangkan risiko kesalahfahaman antaranya untuk mengelakkan rasa kecil hati, sakit hati atau curiga terhadap pertanyaan yang dikeluarkan.

Selain itu, penggunaan dialog yang panjang dan berbelit. Masalah ini boleh menjadi salah satu isu kerana perlu diketahui bahawa setiap ujaran yang dilakukan itu mempunyai beberapa lakuan bahasa yang perlu difahami. Dilihat dalam konteks perfileman atau penceritaan, penggunaan ayat yang pendek dan ringkas sebenarnya lebih memadai dan elok. Hal ini kerana, dialog yang pendek dan ringkas lebih mudah untuk difahami jika dibandingkan dengan dialog panjang dan berleret-leret. Menurut Nasrun Alias dan Nurul Syuhadah (2021) menyatakan bahawa proses untuk memahami penggunaan bahasa dalam dialog memerlukan pemahaman yang tinggi terhadap konteks yang ingin disampaikan. Jelas menunjukkan, penggunaan lakuan bahasa yang ringkas dalam filem membantu menggerakkan pemikiran akal budi masyarakat itu supaya perkara yang disampaikan boleh diterima dan jelas.

### **SOROTAN KAJIAN**

Kajian yang bertajuk “Lakuan Bahasa dalam Ceramah Agama” oleh Nurul Syuhada Shuib dan Maslida Yusof (2019) menggunakan teori lakuan bahasa dari Searle (1969) yang menekankan kepada lima aspek iaitu asertif, komisif, ekspresif, deklaratif dan direktif. Sampel kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah ceramah agama daripada Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood (2016 dan 2017) dan Ustaz Azhar Idrus (2016 dan 2018). Kaedah kajian ini ialah kualitatif dan kuantitatif iaitu dengan menggunakan kajian teks daripada *Youtube*. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti jenis lakuan bahasa dalam ceramah agama, menganalisis pola lakuan bahasa yang paling kerap dan paling kurang digunakan oleh penceramah dalam ceramah agama dan membincangkan fungsi lakuan bahasa dalam ceramah agama. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa ceramah agama banyak menggunakan lakuan bahasa asertif kerana maklumat yang diberikan itu merujuk kepada pemberitahuan dan penerangan secara terus kepada pendengar.

Selain itu, ialah kajian yang bertajuk “Lakuan Bahasa Arahan Dalam Ucapan Lisan Tun Dr. Mahathir Mohamad Terhadap Isu 1MDB” oleh Abd Ganing Laengkang, Rohaidah Haron dan Ab Razak Ab Karim (2022) menyatakan bahawa secara ringkasnya ucapan yang diujarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad menyuarakan satu isu yang mempunyai pelbagai lakuan bahasa arahan. Beliau cenderung untuk menggunakan ayat pertanyaan yang kritis untuk memastikan 1MDB bertindak melakukan tindakan dengan cara menjelaskan terhadap soalan yang diberikan. Kajian ini telah menggunakan dua teori lakuan bahasa yang diperkenalkan oleh Austin (1962) dan Searle (1979). Pengkaji telah memilih 10 ucapan lisan yang dimuat turun daripada *Youtube* untuk dijadikan sebagai data maklumat dari tahun 2015 hingga 2017. Durasi minit secara keseluruhannya adalah 4 jam 10 minit. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif iaitu menganalisis kandungan teks. Pengkaji turut mengkategorikan kepada tiga bahagian iaitu tema, tajuk rakaman dan ujaran.

Hasil kajian ini merumuskan bahawa lakuan Tun Dr. Mahathir banyak menggunakan lakuan janji, namun lakuan ini banyak dituturkan apabila beliau telah keluar dari UMNO dan memulakan kempen PRU14 sebagai pemangkin untuk menyelesaikan masalah 1MDB yang melanda negara.. Selain itu, lakuan bahasa lain yang digunakan ialah lakuan ekspresi yang memperlihatkan Tun Dr. Mahathir berusaha untuk mendapat penjelasan terperinci mengenai isu 1MDB.

Di samping itu, kajian yang bertajuk “Lakuan Bahasa Arahan dalam Teks Ucapan Perdana Menteri berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)” yang dilakukan oleh Aminnudin Saimon, et.al (2021) adalah bertujuan untuk menganalisis lakuan bahasa arahan yang terdapat dalam teks ucapan Perdana Menteri iaitu Yang Amat Berhormat (YAB) Tan Sri Dato Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin. Objektif kajian ini adalah untuk Mengenal pasti LBA dalam teks ucapan Perdana Menteri berkaitan PKP dan menganalisis LBA menggunakan teori lakuan bahasa pengkategorian Bach & Harnish (1979) iaitu permisif, permintaan, pertanyaan, nasihat, larangan dan keperluan. Kaedah kajian yang digunakan ialah kajian kualitatif dan analisis kandungan teks. Sampel kajian ini terdiri daripada teks ucapan PM yang berkaitan dengan PKP iaitu 4 fasa PKP pertama. Analisis akhirnya menunjukkan bahawa kredibiliti seorang pemimpin yang memimpin kerajaan dan mempunyai kuasa telah berjaya untuk menuntut dan mengubah tindakan pendengar untuk bertindak selaras dengan niat komunikatifnya. Setiap ucapan yang diujarkan oleh PM menunjukkan bahawa lakuan bahasa arahan itu berupaya untuk membuat semua pendengar bertindak.

Kajian yang dilakukan oleh Maggelina anak Bungi iaitu “Ungkapan Emosi Dalam Bahasa Melayu Di Media Sosial: Analisis Lakuan Tuturan” (2022) adalah bertujuan untuk menganalisis makna ujaran emosi dalam bahasa Melayu di media sosial berdasarkan jenis ujaran, bentuk ujaran yang digunakan dan maknanya berdasarkan teori lakuan bahasa Leech (1983). Kajian ini telah menggunakan lima orang sampel kajian antara perempuan dan lelaki dalam lingkungan umur 20 hingga 30 tahun. Kaedah kajian ini ialah kualitatif iaitu analisis kandungan teks dengan mengambil *posting status* pengguna di media sosial seperti *Facebook*. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti bentuk kata atau kalimat yang digunakan oleh pengguna media sosial dalam ungkapan emosi dan menganalisis makna ungkapan dengan menggunakan pendekatan Teori Lakuan Tuturan Leech (1983). Hasil kajiannya ini menunjukkan bahawa setiap posting yang dihantar oleh pengguna mempunyai emosi yang melibatkan kepada enam maksim yang ditekankan oleh Leech iaitu persetujuan, simpati, murah hati, sokongan dan santun.

Akhir sekali, kajian yang dilakukan oleh Aminnudin Bin Saimon yang bertajuk “Lakuan Bahasa Dalam Filem Terpilih (2022)”. Kajian ini dilakukan kerana ada sesetengah masyarakat masih tidak memahami konteks penggunaan lakuan bahasa khususnya dalam dunia perfileman. Oleh itu, objektif bagi kajian ini tertumpu kepada tiga perkara iaitu mengenal pasti lakuan bahasa yang terdapat

dalam filem Melayu klasik terpilih, menganalisis lakuan bahasa dalam filem Melayu terpilih menggunakan Teori Lakuan Bahasa Searle (1969) serta merumus akal budi Melayu yang terpancar melalui penggunaan lakuan bahasa terpilih. Dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kepada empat bahan kajian iaitu filem Melayu klasik antaranya ialah, Semerah Padi (1956), Hang Jebat (1961), Seri Mersing (1961) dan Lancang Kuning (1962). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif kerana reka bentuk kajiannya hanya menekankan kepada analisis teks. Analisis teks yang digunakan adalah untuk mengkaji ujaran-ujaran yang mengandungi lakuan bahasa Searle (1969) yang terpilih iaitu asertif, komisif, deklaratif, direktif dan ekspresif. Hasil kajian mendapati bahawa lakuan bahasa memberi satu maklumat baharu dalam dunia kajian Bahasa Melayu. Setiap ujaran yang dituturkan dapat difahami oleh penutur dan pendengar. Bukan setakat itu sahaja, dapat dilihat bahawa melalui lakuan bahasa terpancar beberapa akal budi orang Melayu lama mendefinisikan sesuatu perkara.

### **METODOLOGI KAJIAN**


Melalui reka bentuk kajian ini pengkaji telah memilih kajian yang akan dilakukan adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis kandungan teks. Menurut Albi Anggito dan Johan Setiawan (2018) menyatakan bahawa kualitatif ialah kaedah yang digunakan untuk mengumpul data dan meneliti setiap data yang dilakukan melalui instrumen kajian dan pengambilan sampel. Selain itu, dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan laman sesawang *Youtube* untuk memastikan pengkaji mendapat gambaran awal mengenai Filem Semerah Padi karya Tan Sri P. Ramlee pada tahun 1956 yang berdurasi 1 jam 34 minit. Setelah penelitian dilakukan, pengkaji akan mengtranskripsi dialog tersebut kepada bentuk jadual. Dalam kajian ini pengkaji hanya menggunakan penjadualan sahaja untuk memudahkan pengkaji untuk mengkaji dan mengenalpasti akal budi masyarakat dalam lakuan bahasa bidang perfileman. Tambahan pula, pengkaji menggunakan analisis kandungan teks iaitu dengan memilih beberapa adegan filem yang mencerminkan akal budi masyarakat Melayu. Setiap ujaran ini akan dilihat dengan meneliti daripada setiap aspek khususnya dalam penggunaan lakuan bahasa iaitu selari dengan objektif pengkaji untuk mengenal pasti lakuan bahasa dalam FSP.

## DAPATAN KAJIAN

Bab ini pengkaji akan membentangkan dan mempersembahkan hasil kajian yang telah diperoleh melalui bahan kajian yang telah dipilih iaitu melalui dialog FSP.

## LAKUAN BAHASA YANG MENCERMINKAN AKAL BUDI DALAM FILEM SEMERAH PADI

Dalam bab ini pengkaji akan mengenalpasti lakuan bahasa yang mencerminkan akal budi dalam FSP dengan menggunakan Teori Searle (1969). Dalam bab ini juga pengkaji akan memilih beberapa ujaran yang mencerminkan penggunaan lakuan bahasa untuk dianalisis.



Carta pai 1: Lakuan Bahasa dalam FSP

Carta pai 1 menunjukkan dapatan lakuan bahasa yang terdiri daripada lima aspek.

Setiap daripada lima aspek ini mempunyai beberapa kategori yang telah dipecahkan oleh pengkaji. Lakuan bahasa asertif terdiri daripada makluman, pernyataan, laporan, perdebatan dan pengakuan. Lakuan Bahasa direktif pula terdiri daripada pertanyaan, permintaan, permisif, arahan dan nasihat. Lakuan komisif merangkumi subkategori penolakan dan perjanjian manakala ekspresif terdiri daripada penerimaan, pengesahan, sapaan, minta maaf, terima kasih dan simpati. Akhir sekali ialah lakuan bahasa deklaratif iaitu hukuman dan isytihar. Merujuk kepada carta pai satu di atas, dapat dilihat bahawa laluan bahasa pertanyaan mencatatkan data paling tinggi iaitu 54% dan diikuti dengan lakuan makluman sebanyak 52%. Lakuan yang paling sedikit dalam kajian ini ialah simpati dan isytihar, kedua-duanya mencatatkan data sebanyak 2% sahaja.

Jadual 1. Jumlah keseluruhan lakuan Bahasa dalam filem Semerah Padi

Filem / Lakuan	Asertif	Direktif	Ekspresif	Komisif	Deklaratif	
Jumlah	113	83	37	10	5	248

Berdasarkan kajian penyelidikan yang dilakukan didapati bahawa sebanyak 248 lakuan bahasa yang terdapat dalam ujaran yang digunakan oleh watak-watak dalam FSP. Keseluruhan jadual ini merupakan gabungan daripada lima aspek yang ditekankan oleh pengkaji iaitu asertif, direktif, ekspresif, komisif dan deklaratif. Dalam jadual satu, dapat dilihat bahawa lakuan bahasa sememangnya memainkan peranan yang penting kepada konteks dan situasi yang sedang berlangsung. Data ini menunjukkan sebanyak 113 ujaran yang digunakan oleh watak dalam lakuan bahasa asertif. Seterusnya, data direktif mencatatkan sebanyak 83, manakala ekspresif mencatatkan sebanyak 37. Seterusnya data komisif dan deklaratif mencatatkan sebanyak 10 dan 5 setiap dari mereka.

Jadual 2. Asertif dalam FSP

U1	Bapa Taruna	Penghulu, kami tak mahu membeli buah yang telah ditebuk tupai
U2	Penghulu	Darakah yang kau maksudkan?
U3	Dara	Ya, bapak. Daralah yang menyebabkan semua ini. Ampunkan Dara, bapak. Ampunkan Dara, bapak. Kerana cinta, kerana cinta Dara serahkan kehormatan, Dara berdosa, Dara berdosa. Dara melakukan perbuatan keji. Menyesal, Dara menyesal, bapak
U4	Penghulu	Walau seribu sesal kau sesalkan, namun noda tetap noda. Ku semai padi Lalang menjadi. Sekandang kerbau mengikut kata anak seorang mencolok mata. Dengan siapa?
U5	Aduka	Dengan saya. Pedang menebus dosa sudah sedia, saya rela mati daripada menanggung malu
U6	Penghulu	Aduka? Sungguh tergamak kau memutus jambatan penghubung mesra. Seluruh keturunanku dan keturunanmu tercemar sudah. Hanya hukum agama sahaja yang dapat mengikis cemarku di dahi. Seperti firman tuhan di dalam AlQuran al-hakim, kamu berdua wajib didera seratus kali rotan seorang.

Dalam lakuan bahasa asertif, terdiri daripada lakuan pernyataan. Lakuan ini adalah untuk menyatakan sesuatu perkara atau memberitahu informasi terkini yang belum lagi diketahui umum. Lakuan ini menggunakan ayat penyata contohnya dalam ujaran 4, 5 dan 6. Ujaran-ujaran ini adalah menunjukkan bahawa pernyataan yang diujarkan merupakan ayat pernyataan yang merupakan maklumat baru dan merujuk kepada emosi pendengar. Namun melalui ujaran 4 dilihat Penghulu menggunakan peribahasa untuk menyatakan perasaan yang dirasai. Peribahasa tersebut membawa maksud untuk menjaga anak gadis bukan satu tanggungjawab

yang sukar dilakukan oleh ibu bapa. Disebabkan itu ujaran 6 menunjukkan lakuan bahasa pernyataan iaitu maklumat yang berunsurkan firman tuhan di dalam AlQuran dan al hakim serta hukuman rotan seratus kali. Pernyataan ini adalah untuk menjawab kembali persoalan yang diajukan penghulu kepada dara iaitu dengan siapa Dara melakukan dosa. Ujaran 6 turut menjelaskan bahawa masalah yang terjadi menyebabkan hukum agama terpaksa dilaksanakan oleh Penghulu dan membuktikan bahawa Penghulu bukanlah manusia yang bersifat pilih kasih dalam menjalankan tugas dan amanah.

Jadual 3. Asertif dalam FSP

U7	Taruna	Hei, manusia derhaka. Kami diperintah Penghulu Semerah Padi untuk menangkap kamu berdua.
U8	Jejaka	Hei. Siapakah kau berdua budak-budak?
U9	Taruna	Kami Taruna dan Aduka yang bertanggungjawab tentang keamanan Semerah Padi
U10	Jejaka	Hei. Budak-budak, sedangkan bah kapal tak hanyut inikan pula kemarau panjang. Baliklah, balik. Menghadap Penghulumu. Kumpulkan segala pendekar-pendekar yang terhandal di Semerah Padimu.
U11	Taruna	Hoi, biar tulang tinggal sekerat, namun undur pantang tok nenek.
U12	Jejaka	Oh, kau biar berhajat benar, ya. Silakan naik panglima semerah padi, silakan.
U13	Galak	Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan.
U14	Taruna	Aduka, gunakan tipu helah kita
U15	Galak	Jejaka, Jejaka. Kau kecundang Jejaka. Sudah tentu kita menerima hukuman. Bangun Jejaka, Jejaka, tapi tak mengapa suka dan duka kita berdua.

Dalam lakuan asertif makluman ini menunjukkan bahawa penutur mengemukakan sesuatu informasi yang memperlihatkan bahawa penutur ingin memberitahu sesuatu dalam satu ayat penyata, contohnya dalam ujaran 7. Ayat ini dapat dilihat bahawa penutur memberi maklumat baru bahawa dia mempunyai tugas yang perlu dilaksanakan untuk menangkap individu yang membuat masalah atau kekacauan. Melalui ayat ini turut jelas bahawa Taruna mengikut perintah yang disuruh oleh Penghulu kerana ayat awalnya yang menyebut “kami diperintah Penghulu”. Ayat ini menunjukkan akal budi masyarakat dulu yang bertindak mengikut arahan yang telah diberikan dan perkara ini bertentangan dengan masyarakat kini yang bertindak sesuka hati untuk menjatuhkan hukum tanpa usul periksa.

Berdasarkan jadual 3, dapat dilihat bahawa lakuan bahasa asertif terdiri daripada beberapa kategori antaranya ialah seperti pernyataan, makluman dan perdebatan. Menurut Siti Nur Adibah Sabarudin dan Aminnudin Saimon (2021) menyatakan bahawa lakuan pertuturan asertif turut dikenali sebagai lakuan

representatif iaitu lakuan bahasa yang menyatakan atau menunjuk perkara sebenar yang dituturkan oleh penutur. Lakuan ini kebanyakan digunakan oleh penutur ketika untuk membicarakan sesuatu perkara yang berfakta dengan memberi maklumat baru kepada orang sekeliling atau pendengar. Selain itu, menurut Nurul Syuhada Shuib dan Maslida Yusof (2019) menyatakan bahawa lakuan bahasa asertif banyak mengungkapkan sesuatu perkara yang dilihat berunsur kepercayaan dan menyebabkan penutur bertanggungjawab terhadap kebenaran ujaran yang dilafazkan. Ini bermakna melalui asertif, dapat dilihat bahawa penutur memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan sesuatu perkara kerana mampu mengubah keadaan sekeliling sama ada fakta atau palsu.

Jadual 4. Direktif dalam FSP

U16	Mak Dara	Kita ni semakin hari semakin tua. Aku ingin melihat Dara berumah tangga dan bersuami orang-orang yang berbudi.
U17	Penghulu	Kau ni terburu-buru saja. Kalau ya pun bersabarlah. Kalau sudah jodoh dia takkan ke mana.

Dalam ujaran 16 hingga ujaran 17 menunjukkan lakuan permintaan dalam lakuan bahasa direktif. Lakuan permintaan ini boleh dilihat dalam dua keadaan iaitu satu secara langsung dan satu secara tidak langsung. Dalam ujaran 16, Mak Dara mengujarkan ujaran secara langsung. Hal ini kerana, beliau bercakap secara terang-terangan seperti “Aku ingin melihat Dara berumah tangga” dan Mak Dara meletakkan penggunaan ayat kiasan dengan menyebut ayat seperti “Kita ni semakin hari semakin tua”. Penggunaan ayat ini merupakan ayat implisit dan menunjukkan bahawa orang dulu-dulu bijak menyusun ayat untuk tidak bercakap secara terang-terangan untuk mengelakkan anak mereka rasa dipaksa atau terpaksa untuk berkahwin. Ayat ini turut membawa kepada pemahaman seseorang itu apabila dituturkan ucapan “tua”. Hal ini kerana penggunaan perkataan “tua” mampu mempengaruhi keadaan dan situasi. Buktinya dalam ayat ini penggunaan ungkapan “tua” membawa maksud sesuatu perkara yang perlu diakur oleh orang kedua apabila mendengar kerana usia yang sudah lanjut dan menunggu kepada kematian. Tambahan juga, ayat ini memerlukan pemikiran dan pemahaman orang kedua dalam menghayati setiap butir bicara itu mempunyai maksud tersirat, buktinya dengan penggunaan ungkapan semakin tua dan ingin dara berumah tangga. Kecerdikan dan pemikiran orang dulu adalah di mana mereka tidak akan bertutur secara terang atau langsung, namun mereka gemar menggunakan bahasa tersirat atau kiasan.

Jadual 5. Komisif dalam FSP

U18	Taruna	Dara, jikalau kita sudah menjadi suami isteri besok, aku ingin mendirikan rumah yang besar, dan kaulah yang akan aku jadikan permaisuri. Dimanakah tempat yang sesuai untuk dirikan mahligai kita, Dara?
U19	Dara	Di mana saja Taruna, asal sesuai denganmu.

U20	Taruna	Dara. Setujukah kau jikalau kita dirikan rumah kita di sebelah sana? Mari Dara, mari. Cuba tengok, di sana kita dirikan rumahnya, di sini lombong padi dan di depannya nanti ku tanam bunga-bunga yang cantik. Kau suka tak?
U21	Dara	Kalau kau suka, aku juga suka.

Dalam jadual 5 dapat dilihat bahawa, lakuan bahasa komisif banyak menekankan kepada perjanjian berbanding penolakan. Menurut Searle (1969) menyatakan bahawa komisif merupakan lakuan bahasa yang menunjukkan perkaitan antara penutur dan pendengar. Perkaitan ini dapat dilihat apabila penutur dan pendengar terikat dengan tindakan pada masa akan datang dan mengikat penutur dengan berniat untuk melakukan sesuatu perkara yang akan datang. Oleh itu, dapat dilihat dalam data ini kebanyakan dialog menekankan sesuatu perjanjian yang belum terjadi contohnya dalam ujaran 18 dan ujaran 20. Perjanjian ini dilihat terdiri daripada perkara yang positif seperti perjanjian untuk mendirikan rumah tangga manakala perjanjian negatif seperti menuntut keadilan untuk melakukan pembunuhan. Akal budi dalam ujaran lakuan bahasa memainkan peranan yang penting kerana perjanjian yang diujarkan oleh penutur memerlukan penutur untuk mengotakan janji dan bukannya untuk memungkir. Selain itu, perjanjian ini juga dapat dilihat dalam konteks di mana penutur menginginkan sesuatu perkara yang akan terjadi. Contohnya dalam dialog di antara Taruna dan Dara, iaitu Taruna berjanji untuk membina rumah yang besar dan menjadikan Dara sebagai permaisuri. Dalam agama islam, penggunaan ungkapan janji ini turut digunakan dalam perjanjian manusia dengan Allah dalam surah Al-A'raf ayat 172, dan Al-Hadid ayat 8. Cukup jelas menunjukkan bahawa perjanjian bukanlah sesuatu perkara yang boleh dibuat main atau dipandang enteng.

Jadual 6. Ekspresif dalam FSP

U22	Penghulu	Ke bawah duli menghendaki sebelas ahli sukarela?
U23	Utusan	Benar, datuk kerana lanun sedang mengganas di laut sekitar kepulauan kita.
U24	Penghulu	Lanun? Sekiranya Semerah Padi Dalam keadaan huru-hara tetapi untuk berbakti kepada duli yang maha mulia dan tanah air, Semerah Padi Akan menghantar sepuluh ahli sukarela yang akan diketuai oleh Taruna. Semerah Padi Merasa bangga dapat dapat menghantar sebelas ahli sukarela yang diketuai oleh Taruna untuk menghapuskan lanun-lanun yang mengganas di laut. Tetapi Aduka tetap bersama kita untuk menjaga keamanan Semerah Padi. Jadi, sebelum mereka berangkat pada malam ini, sajikanlah tari perpisahan Semerah Padi.

Untuk Jadual 6 merupakan lakuan bahasa ekspresif penerimaan. Melalui FSP lakuan penerimaan ini banyak digunakan oleh watak-watak yang terlibat. Hal ini kerana, cerita yang berlatarkan mengenai kesultanan atau pun pemerintahan, sememangnya akan menekankan kepada ketaatan rakyat kepada sultan, pembesar dan pemerintah. Sudah menjadi lumrah, adat adalah kebiasaan untuk orang dahulu yang sentiasa taat dengan perintah yang diberikan. Turut menunjukkan bahawa akal budi orang Melayu yang sanggup menggadaikan nyawa demi menjaga maruah negara. Disebabkan itu wujudnya beberapa pepatah yang menerangkan tentang maruah dan adat terhadap kepimpinan. Menurut kajian yang dilakukan oleh Siti Kausar Zakaria dan Mohd Noor Daud (2022) menyatakan bahawa sebelum dan selepas kedatangan islam, pandangan di segenap semesta alam memang menunjukkan bahawa kehidupan orang yang bergelar Melayu ini masih lagi berpegang kepada kehidupan yang taat terhadap adat. Daripada adat terlahirlah adat dan akhlak yang dipegang oleh agama islam sehingga kini.

Jadual 7. Deklaratif dalam FSP

U25	Penghulu	Kalau begitu, baiklah, aku sendiri memutuskan siapa yang benar siapa yang salah. Kamu berdua didapati salah dan kau berdua akan menerima hukuman. Dengar semua, kamu berdua beragama islam, bukan. Agama melarang berdengki, khianat, iri hati dan bersengketa satu sama lain. Insafilah bahawa perbuatanmu ini menyalahi undang-undang agama dan ingatlah bahawa tuhan memurkai kepada sesiapa yang bersengketa. Tetapi tuhan mengasihinya kepada orang yang bermurah hati, suka tolong-menolong di dalam segala kesukaran. Itulah tuntutan agama. Jadi, kerana kamu berdua tidak menjalankan sebagaimana mestinya, maka kamu didapati salah. Dengarlah apa hukuman yang kamu terima, hari ini aku menolong pekerjaannya, besok kau pula menolong pekerjaannya, begitulah seterusnya setiap hari hingga pekerjaan kamu berdua selesai. Ingat, jika ada di antara kamu salah seorang yang tidak menjalankan perintahku ini aku akan hukum lebih berat lagi. mengerti? Apa lagi, solualanabi, boleh pulang.
-----	----------	--

Lakuan bahasa hukuman turut merupakan salah satu lakuan dalam deklaratif. Menurut Searle (1969) menyatakan bahawa deklaratif hukuman ialah merujuk kepada sesuatu perubahan keadaan yang drastik atau cepat. Selalunya, lakuan hukuman ini mampu mengubah sesuatu situasi atau manusia itu daripada positif kepada negatif contohnya dalam ujaran 25 menunjukkan bahawa Penghulu menjatuhkan hukuman kepada pesalah. Hal ini kerana, Penghulu mempunyai kuasa untuk menjalankan tanggungjawab yang patut dilakukan demi menjaga maruah Kampung Semerah Padi daripada terus dihambat kesusahan. Tanggungjawab yang dijalankan oleh Penghulu telah mencerminkan keperibadian beliau dan akal budi seseorang itu ketika hukuman dijatuhkan. Perkara ini dapat dilihat apabila setiap masalah yang terjadi di Kampung Semerah

Padi membuatkan Penghulu bertindak dengan menggunakan kecerdikan akal yang dipelajari dalam agama islam. Buktinya dengan menjatuhkan hukuman didera 100 kali sebatan. Hukuman ini sememangnya telah termaktub dalam hukum islam yang dikenali sebagai hukum hudud.

Dalam Jadual 7 memperlihatkan lakuan bahasa deklaratif yang terdiri daripada hukuman dan isytihar. Menurut Searle (1969) menyatakan bahawa deklaratif ialah lakuan bahasa yang menunjukkan perubahan dalam keadaan segera. Perubahan yang dilakukan akan memberi kesan jangka panjang terhadap situasi sesuatu perkara dan mengubah sesuatu subjek itu kepada benda baharu. Kebanyakan lakuan bahasa deklaratif ini menyentuh mengenai akal budi orang Melayu dalam menegakkan kebenaran islam iaitu Al-Quran dan sunnah.

Jadual 8. Deklaratif dalam FSP

U26	Tok Kadi	Mengikut adat tradisi Semerah Padi, kau berdua harus menjawab pertanyaanku dengan ikhlas. Dara bani Hawa, aku pertunangan kan dikau dengan Taruna bani Adam dengan hantaran sirih adat. Relakah dikau menerima pertunangan tersebut?
U27	Dara	Aku rela.
U28	Tok Kadi	Alhamdulillah. Hai Taruna bani Adam, aku pertunangkan dikau dengan Dara bani Hawa dengan hantaran sirih ada. Relakah dikau menerima pertunangan tersebut
U29	Taruna	Aku rela.
U30	Tok Kadi	Alhamdulillah, nah, sekarang tukarkanlah sirih adat itu.

Menurut Searle (1969) menyatakan bahawa untuk mengenali lakuan bahasa deklaratif apa yang penting dilihat ialah formula “*S asserts that P if S expresses the belief that P*”. Bukti ini dapat dilihat dalam ujaran yang dilemparkan oleh Kadi iaitu “Dara bani Hawa, aku pertunangan kan dikau dengan Taruna bani Adam dengan hantaran sirih adat. Relakah dikau menerima pertunangan tersebut” dan Dara membalas dengan “aku rela”. Melalui komunikasi antara dua pihak ini jelas dengan yang diterangkan oleh Searle iaitu seseorang mengisytiharkan sesuatu dan diterima atau dipercayai oleh pihak kedua. Perkara ini menunjukkan bahawa Dara dan Taruna rela untuk ditunangkan dan diisytiharkan oleh Kadi. Namun, perlu diketahui bahawa lakuan bahasa ini dilihat dalam situasi yang baik dan positif, tetapi terdapat juga lakuan bahasa isytihar yang merujuk kepada situasi negatif seperti pengisytiharan kepada perbuatan yang jahat. Dapat dilihat juga ujaran deklaratif ini menuntut pihak penutur dan pendengar mempercayai

antara satu sama lain dalam menghujahkan sesuatu perkara. Buktinya dalam konteks situasi ini dapat dilihat bahawa ketiga-tiga individu ini mengetahui situasi yang sedang berlaku dan bersedia dengan jawapan masing-masing.

### **CADANGAN KAJIAN**

Pengkaji mengharapkan bahawa untuk kajian selanjutnya pengkaji boleh melakukan penambahbaikan dengan memfokuskan kepada filem moden pula. Hal ini kerana filem Melayu klasik sudah ada beberapa pengkajian yang telah dibuat. Namun, untuk filem moden pula dilihat belum ada lagi pengkaji yang ingin memulakan proses pengkajian. Selain itu, diharapkan juga kajian mengenai lakuan bahasa ini boleh difokuskan dalam pementasan teater. Hal ini kerana, terdapat juga beberapa filem Melayu klasik atau bangsawan yang pernah dipentaskan dalam teater contoh seperti Dang Anum dan Hang Tuah.

Tambahan lagi, pengkaji lain boleh meluaskan skop lakuan bahasa ini dengan mengkaji melalui novel atau drama Melayu. Penggunaan bahan kajian seperti novel merupakan satu bahan kajian yang bermutu kerana terdapat pelbagai ujaran yang memerlukan pengkaji untuk memerhati dan menghayati ujaran yang disampaikan oleh penulis. Melalui novel juga, pengkaji boleh melihat sekiranya terdapat akal budi Melayu yang diketengahkan oleh penulis. Buktinya, terdapat penulis-penulis novel yang diiktiraf seperti Kamaluddin Muhamad atau Keris Mas, Abdullah Hussain, Prof Emeritus Datuk Dr Shahnnon Ahmad dan Datuk Dr Usman Awang yang merupakan sasterawan negara.

Hasil kajian ini dapat dilihat bahawa lakuan bahasa memainkan peranan signifikan dalam mengkaji ujaran yang dituturkan oleh penutur dan pendengar. Ujaran-ujaran ini dapat dilihat melalui pelbagai konteks lakuan bahasa dalam komunikasi sehala dan dua hala. Buktinya lakuan bahasa ini boleh dilihat dalam tanda kesenyapan, perbalahan dan bual bicara berdasarkan kepada jenis jenis lakuan bahasa itu tersendiri. Bukan setakat itu sahaja, lakuan bahasa ini sendiri boleh dilihat dalam mencerminkan akal budi seseorang itu berdasarkan susunan ayat, penggunaan istilah dan emosi. Akal budi ini boleh dilihat dalam dua situasi iaitu negatif dan positif.

## **KESIMPULAN**

Oleh itu sebagai kesimpulannya, dapat dilihat bahawa ujaran setiap manusia sebenarnya mempunyai lakuan yang perlu dikaji oleh setiap pengkaji dalam bidang bahasa khususnya bahasa Melayu. Bukan setakat itu sahaja, dalam mengujarkan sesuatu ujaran, perkara yang paling penting dapat dilihat apabila wujudnya istilah-istilah baru yang memancarkan akal budi pemikiran dan keperibadian seseorang itu. Akal budi itu sendiri merupakan satu perkara yang menunjukkan bagaimana seseorang itu berfikir dan membawa diri dengan ruangan persekitaran sama ada dalam sudut positif dan negatif. Akal budi ini turut menunjukkan sejauh manakah nilai kesantunan seseorang itu dididik kerana sebagai seorang Melayu amalan hormat menghormati dan santun merupakan satu titik tolak kepada nilai identiti seseorang. Menjadi satu kewajaran untuk orang Melayu itu sendiri menunjukkan sikap berbudi pekerti selarasnya dengan agama islam yang meletakkan keperibadian itu sebagai satu landasan untuk melahirkan seorang muslim yang berakhlak.

## BIBLIOGRAFI

- Abd Ganing Laengkang, et al. (2021, April 23). *Lakuan Pertanyaan Tun Dr. Mahathir Dalam ISU IMDB: Kajian Terhadap Artikel Dalam*. Academia. [https://www.academia.edu/46936468/Lakuan\\_Pertanyaan\\_Tun\\_Dr\\_Mahathir\\_dalam\\_Isu\\_1MDB\\_Kajian\\_Terhadap\\_Artikel\\_dalam\\_Blog\\_Chedet\\_cc](https://www.academia.edu/46936468/Lakuan_Pertanyaan_Tun_Dr_Mahathir_dalam_Isu_1MDB_Kajian_Terhadap_Artikel_dalam_Blog_Chedet_cc)
- Albi, A., & Johan, S. (2018). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Google Books. [https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=59V8DwAAQBAJ&oi=fnd&pg=PP1&dq=maksud%2Bkualitatif&ots=5HgCwwgsDv&sig=fAKfUvUAaLFEQ43IIE5piIyNaV0&redir\\_esc=y#v=onepage&q=maksud%20kualitatif&f=false](https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=59V8DwAAQBAJ&oi=fnd&pg=PP1&dq=maksud%2Bkualitatif&ots=5HgCwwgsDv&sig=fAKfUvUAaLFEQ43IIE5piIyNaV0&redir_esc=y#v=onepage&q=maksud%20kualitatif&f=false)
- Aminnudin Saimon. (2019). *Lakuan Bahasa Dalam Filem Melayu Terpilih*, Universiti Putra Malaysia <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/83335/1/FBMK%202019%2019%2019.pdf>
- Aminnudin Saimon, et.al. (2021). *Lakuan Bahasa Arahan dalam Teks Ucapan Perdana Menteri Berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)*. PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature. <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/4633/2952>
- Aminnudin, S., & Siti Nur Adibah, S. (2021, December 1). *Video infografik covid-19: Tinjauan Dari sudut Lakuan Bahasa*. IIUM Repository (IRep). <http://irep.iium.edu.my/94398/>
- Dewan Bahasa Pustaka. (2017a). *Filem - Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat*. Carian Umum. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=filem>
- Dewan Bahasa Pustaka. (2017b). *Penerimaan - Dewan bahasa Dan Pustaka*. Carian Umum. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=penerimaan>
- Junaini, K. (2020). *Penciptaan Istilah Dan Akal Budi Melayu*. International Journal of the Malay World and Civilisation 8(1). <http://journalarticle.ukm.my/14266/1/jatma-2020-0801-01.pdf>
- Maggelina anak Bungi. (2022, June). *Ungkapan Emosi Dalam bahasa melayu di media sosial: Analisis Lakuan Tuturan*. UNIMAS Institutional Repository. <https://ir.unimas.my/id/eprint/39921/>
- Nasrun Alias, N. S. B. Mohd. N. (2021). *Analisis Ayat Songsang dalam filem seniman Bujang Lapuk Berdasarkan Teori Ubah Alfa*. Jurnal Melayu Isu Khas Disember 2021. <http://journalarticle.ukm.my/18392/1/52650-173136-1-SM%20%281%29.pdf>
- Nur Atikah, I., & Maslida, Y. (2020). *Sindiran dalam Media Sosial: Perspektif Lakuan Bahasa*. Jurnal Komunikasi Jilid 36(2). <http://journalarticle.ukm.my/16054/1/19707-130771-1-PB.pdf>
- Nurul Syuhada Shuib & Maslida Yusof. (2019). *Lakuan Bahasa Dalam Ceramah agama*. Akademika 89(Isu Khas/Special Issue). <http://journalarticle.ukm.my/14991/1/31247-100751-1-PB.pdf>